

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah strategik Kementerian dalam memperkasakan pendidikan politik dan demokrasi dalam kalangan anak muda seiring dengan penguatkuasaan Undi 18.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan daripada keputusan kerajaan untuk menurunkan had umur kelayakan mengundi dan bertanding dari 21 ke 18 tahun berdasarkan Rang Undang-Undang (RUU) Perkara 119 Pindaan 2019, Kementerian telah merancang pelaksanaan program-program yang menerapkan elemen-elemen kenegaraan dan jati diri, semangat patriotisme, pengetahuan dan kesedaran berkaitan Sistem Demokrasi dan Pilihanraya serta memfokuskan kesedaran tanggungjawab individu dalam memelihara dan meraikan demokrasi. Penerapan elemen-elemen tersebut secara khususnya dilaksanakan melalui program-program kenegaraan dan secara am melalui program Malaysia Future Leaders School (MFLS). Kementerian juga telah mengambil inisiatif strategik dengan mewujudkan jawatankuasa khas berkaitan program kenegaraan bersama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Akademi Pilihanraya yang bertujuan untuk merancang dan menyelaras pelaksanaan program-program kenegaraan anak muda bagi meningkatkan kesedaran dan kadar literasi politik dalam kalangan belia.

2. Pada tahun 2020, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang kenegaraan dan patriotisme serta pendedahan sosialisasi politik dalam kalangan belia. Sasaran penyertaan program-program kenegaraan adalah pelajar sekolah berusia 15-17 tahun, pelajar pra-universiti berusia 18-19 tahun, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan berusia 18 tahun ke atas, pelajar universiti luar negara tajaan JPA dan agensi-agensi lain berusia 18 tahun dan ke atas, pelajar-pelajar TVET, belia massa dan penjawat awam muda berusia di bawah 30 tahun. Walaupun negara dilanda dengan krisis pandemik COVID-19 sehingga menuntut kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Kementerian telah mengambil inisiatif dengan mengubahsuai kaedah pelaksanaan program secara bersemuka kepada secara dalam talian dengan mengekalkan objektif pelaksanaan asal iaitu penjanaan nilai patriotisme dan jati diri dalam kalangan anak muda di negara ini serta kefahaman tentang kenegaraan. Program secara bersemuka juga dilaksanakan tertakluk kepada *Standard Operation Procedure (SOP)* daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
3. Kaedah pelaksanaan program bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentang demokrasi dan kenegaraan antaranya adalah seperti berikut:
- i. Seminar
 - ii. Kursus
 - iii. Dialog / Forum
 - iv. Perkongsian Infografik
 - v. Soal Selidik – Kajian Terhadap Pemahaman Berkaitan Kenegaraan dan Sejarah Negara Bangsa

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan berapa hutang sebenar yang terpaksa Kerajaan tanggung secara langsung mahupun tidak langsung akibat daripada pinjaman yang dibuat oleh 1MDB dan SRC International, apa kesannya terhadap siling liabiliti yang dibenarkan untuk Kerajaan, dan penarafan (*ratings*) kewangan negara di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan situasi kewangan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan SRC International Sdn Bhd (SRC) yang kritikal, kedua-dua syarikat tersebut kini tidak lagi beroperasi secara aktif dan tidak mampu untuk memenuhi obligasi pembayaran hutang yang dijamin oleh Kerajaan, samada secara langsung atau tidak langsung.
2. Bagi 1MDB, dengan andaian kadar tukaran wang asing USD1.00 bersamaan dengan RM4.20, jumlah keseluruhan baki hutang 1MDB (prinsipal dan faedah) pada 31 Oktober 2020 adalah sebanyak **RM40.87 bilion**. Jumlah hutang 1MDB yang perlu dibayar pada tahun 2021 adalah

sebanyak RM1.705 bilion melibatkan bayaran faedah/ kupon bagi 3 bon dan 1 sukuk terbitan 1MDB dan anak syarikatnya. Pembayaran balik hutang 1MDB bagi tahun 2021 ini akan dibuat dengan menggunakan dana pemulihan aset 1MDB dan peruntukan kewangan Kerajaan.

3. Manakala bagi SRC pula, jumlah baki pinjaman adalah **RM3.67 bilion** yang merangkumi prinsipal dan faedah pinjaman. Bagi tahun 2021, jumlah pembayaran yang dijadualkan kepada KWAP adalah sebanyak RM1.567 bilion merangkumi pembayaran prinsipal sebanyak RM1.5 bilion dan pembayaran faedah sebanyak RM67.1 juta yang akan dibayar melalui peruntukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada masa ini, penetapan siling hutang statutori Kerajaan Persekutuan adalah pada 60% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hutang syarikat 1MDB dan SRC di atas tidak menjelaskan had siling statutory yang telah ditetapkan.

5. Pada 4 November lalu, penarafan Malaysia oleh agensi penarafan antarabangsa Fitch Ratings telah diturunkan daripada A- kepada BBB+ namun dengan semakan semula *outlook* penarafan daripada negatif kepada stabil. Menurut kenyataan media Fitch, penarafan dan semakan semula penarafan ini dibuat berdasarkan kesan negatif akibat daripada krisis pandemik COVID-19 dan kedudukan hutang Kerajaan yang termasuk hutang 1MDB dan SRC yang dijamin Kerajaan. Sementara itu, Moody's masih mengekalkan penarafan pada A3 dengan *outlook* stabil manakala S&P Global masih mengekalkan penarafan A-.

6. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin dengan asas ekonomi Malaysia yang kukuh, Kerajaan akan dapat memperbaiki semula kedudukan penarafan setelah ekonomi negara kembali pulih dan stabil dalam jangka sederhana.

Sekian, terima kasih.